

14 MAY 2000

Hishammuddin-Jawatankuasa

JAWATANKUASA KABINET AKAN DITUBUH BANGUNKAN BELIA

KUALA LUMPUR, 14 Mei (Bernama) -- Sebuah Jawatankuasa Kabinet akan ditubuhkan bagi memaju dan meningkatkan lagi pembangunan belia di negara ini, kata Menteri Belia dan Sukan Datuk Hishammuddin Tun Hussein.

Beliau berkata cadangannya untuk menubuhkan jawatankuasa itu telah dibincang dan dipersetujui oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa Perhimpunan Agung Umno Ke-54 yang berakhir semalam.

Katanya Perdana Menteri bersetuju dan menerima cadangan itu kerana ia dilihat mampu membangunkan lagi golongan belia, katanya pada persidangan media setelah melepaskan peserta Kuala Lumpur International Towerthon 2000 di Menara Kuala Lumpur hari ini.

"Perkara ini telah lama saya fikirkan dan semasa Perhimpunan Agung Umno ini, saya berbincang dan fikirkan (cadangan) dengan Perdana Menteri, lagipun ramai perwakilan semasa membabaskan usul menyentuh mengenai pembangunan belia," katanya.

Hishammuddin berkata beliau akan mengadakan perbincangan lanjut dengan pegawai kementerian mengenai mekanisme jawatankuasa itu tetapi memberi gambaran bahawa jawatankuasa itu perlu melibatkan wakil beberapa kementerian lain seperti Kementerian Pembangunan Usahawan, Kementerian Kewangan, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat dan Kementerian Pembangunan Luar Bandar yang turut terbabit dalam pembangunan belia.

Beliau berharap jawatankuasa itu akan membantu membuat perancangan mengenai hal tuju belia dan alf baru ini.

Hishammudin berkata beliau juga akan menggerakkan semula fungsi Majlis Perundingan Belia yang ditubuhkan pada 1972 untuk memperkukuhkan fungsi majlis itu sebagai pembuat dasar pembangunan belia negara.

Mengulas kenyataan Dr Mahathir bahawa pemimpin kerajaan khasnya Umno tidak terlalu bergantung kepada kakitangan kerajaan untuk memberikan penerangan kepada rakyat mengenai perkembangan semasa dan dasar kerajaan, Hishammudin yang juga Ketua Pemuda Umno berkata saranan itu amat baik.

"Oleh itu kita perlu mengenal pasti pemimpin-pemimpin berkaliber dan diterima masyarakat untuk memberikan penerangan kepada masyarakat," katanya.

--BERNAMA

APG MAI